

CICLOSPORIN (CYCLOSPORINE)

Neoral[®], Sandimmune[®]

Maklumat Penting mengenai Ciclosporin

Risalah ini mengandungi maklumat mengenai ubat Ciclosporin. Namun, maklumat ini tidak dapat menjawab kesemua soalan tentang Ciclosporin. Ia juga tidak boleh menggantikan perbincangan antara pesakit dengan doktor atau ahli farmasi. Sila gunakan maklumat ini sebagai panduan untuk bertanyakan soalan yang lebih lanjut kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Apakah kegunaan ubat Ciclosporin?

Ciclosporin ialah ubat yang digunakan dalam rawatan penyakit radang sendi (*rheumatoid arthritis*), rawatan sindrom Nephrotic (*Nephrotic Syndrome*), psoriasis dan dan lain-lain penyakit autoimun. Ia juga digunakan untuk mencegah komplikasi penolakan organ atau sel penderma selepas pemindahan organ atau sum-sum tulang, dan juga untuk sesetengah penyakit darah dan penyakit kulit. Ia tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang boleh merendahkan sistem imunasi badan (*calcineurin inhibitors*), tetapi tidak diklasifikasikan sebagai steroid.

Ciclosporin berfungsi secara mengganggu sintesis *interleukin II*, salah satu protein yang penting dalam pertumbuhan sel-sel badan. Ciclosporin juga mengganggu pengaktifan *T-lymphocytes*, iaitu sel-sel darah putih yang terlibat dalam regulasi aktiviti sistem imunasi badan.

Bilakah harus ubat ini diambil?

Ubat ini biasanya dimakan dua kali sehari, pada masa yang sama setiap hari. Ubat ini harus diambil seperti yang diarahkan oleh doktor. Jangan mengubah jenama ubat tanpa memberitahu doktor atau ahli farmasi.

Bagaimanakah harus ubat ini diambil?

Pil

Telan seluruh pil dengan segelas air. Ia boleh diambil dengan sebelum atau selepas makan, asalkan diambil dengan cara yang sama setiap kali.

Sirap

Jangan menggunakan cawan plastik atau styrofoam semasa mengambil sirap. Gunakan **cawan gelas**. Pastikan anda menggunakan picagari yang dibekalkan bersama dengan ubat untuk mengukur dos yang diperlukan.

Campurkan ubat daripada picagari ke dalam gelas yang mengandungi air seperti jus epal atau oren. Elakkan daripada selalu menukar jenis air yang digunakan. Jangan campurkan ubat dengan jus limau gedang atau *pomelo*. Pastikan picagari tidak menyentuh air dalam gelas. Kacau dan minum seluruh campuran dalam gelas dengan segera.

Selepas itu, lap bahagian luar picagari dengan kertas tisu yang kering dan letak balik kepada tempat asal. Jangan basuh picagari dengan air sebelum atau selepas menggunakannya. Penyumbat putih dan tiub yang disambungkan dengannya tidak harus dikeluarkan daripada botol. Tutup botol balik dengan penutupnya.

Apakah yang harus anda lakukan sekiranya anda tertinggal satu dos?

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang dilupa, dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang dilupa pada masa yang sama. Sila rekodkan mana-mana dos yang dilupakan.

Apakah kesan sampingan yang mungkin dialami dengan pengambilan ubat Ciclosporin? Apakah langkah-langkah yang patut diambil jika berlaku sedemikian?

Anda mungkin mengalami kesan-kesan sampingan semasa mengambil ubat Ciclosporin. Beritahu doktor anda jika anda mengalami kesan sampingan yang berikut. Ini supaya penyesuaian ke atas rawatan anda boleh dibuat untuk mengurangkan kejadian kesan sampingan yang berikut:-

- Kekejangan, sakit otot dan sakit kepala
- Ketidakelesaan perut, perasaan loya dan muntah, cirit-birit
- Gusi yang besar, bengkak dan/atau berdarah
- Lebih banyak rambut atau bulu badan
- Darah tinggi
- Peningkatan tahap trigliserida (anda dinasihatkan untuk mengambil diet yang sihat dan seimbang)

Sila maklumkan kepada doktor anda jika anda mengalami kesan-kesan sampingan yang lain, atau jika kesan sampingan yang anda hadapi menjadi semakin teruk dan mengganggu aktiviti-aktiviti seharian anda.

Antara kesan sampingan yang serius yang mungkin berlaku semasa pengambilan ubat Ciclosporin ialah:-

- Lebih cenderung untuk mendapat jangkitan: ditunjukkan seperti demam, sakit tekak, batuk atau ulser mulut
- Bintik-bintik hitam atau tahi lalat yang baru, perubahan warna kulit (anda dinasihati untuk mengelakkan cahaya matahari yang berpanjangan dan gunakan perlindungan matahari yang bercukupi).
- Perubahan penglihatan atau pendengaran
- Sakit kepala yang teruk dan getaran (*tremors*)

Jika anda menghadapi kesan-kesan sampingan ini, anda harus berhenti mengambil ubat Ciclosporin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Ubat atau makanan yang perlu dielak semasa mengambil Ciclosporin

Jangan mengambil atau berikan anak anda ubat-ubat lain atau produk herba tanpa berbincang dahulu dengan doktor atau ahli farmasi. Sesetengah ubat atau makanan bukan sahaja boleh mengurangkan keberkesanan ubat Ciclosporin, malah ia juga boleh meningkatkan terjadinya kesan-kesan sampingan sehinggakan rawatan dan pengawasan rapi diperlukan. Ubat-ubat yang harus dielak termasuk:

1. Antasid yang mengandungi Magnesium atau Aluminium hidroksida (Ambil Ciclosporin sejam sebelum atau dua jam selepas mengambil antasid)
2. Ubat yang mengikat asid hempedu (*bile acid sequestrants*) seperti *Cholestyramine*

3. Vaksin yang hidup, seperti vaksin BCG, MMR, cacar air (*chicken pox*) dan beberapa jenis vaksin polio atau influenza
4. Sesetengah antibiotik atau antifungals

Ubat-ubat lain yang mungkin digunakan bersama dengan Ciclosporin

1. Ubat steroid seperti *Prednisolone*
2. Ubat lain yang boleh merendahkan sistem imunasi badan seperti *Mycophenolate*
3. Ubat *DMARDs* seperti *Hydroxychloroquine*

Penafian: Senarai ubat diatas ini tidak lengkap. Jika anda ada keraguan dalam mana-mana aspek, beritahulah kepada doktor pakar atau ahli farmasi anda, lebih-lebih lagi jika anda mengambil ubat-ubat lain atau suplemen semasa menerima rawatan dengan Cyclosporin.

Bagaimanakah harus ubat ini disimpan?

Simpan ubat ini di tempat yang jauh daripada pencapaian dan penglihatan kanak-kanak. Simpan ubat ini pada suhu bilik.

Pil

Pil harus disimpan dalam pek asal (*blister pack*) sehingga tiba masanya untuk mengambilnya. Sejenis bau yang ketara mungkin dikesan apabila pek dibuka, tetap ini adalah biasa.

Sirap

Buangkan baki sirap dalam botol dua bulan selepas membukanya.

Maklumat Umum

Patuhi lawatan susulan ke doktor

Jika anda sedang menerima rawatan dengan Ciclosporin, anda dinasihati untuk berjumpa dengan doktor pakar anda dari semasa ke semasa. Pengambilan ujian darah pada masa yang tetap amat penting bagi meastikan tahap keberkesanan rawatan dan menangani masalah yang berkaitan dengan rawatan.

Bekalan Ubat

Anda dinasihati supaya tidak membeli bekalan melebihi daripada yang diperlukan sehingga anda berjumpa dengan doktor. Ini adalah untuk mengelakkan pembaziran ubat jika dos ubat anda berubah atau rawatan dengan ubat Ciclosporin dihentikan.

Nasihat Lain

Jangan memberi Ciclosporin kepada orang lain. Ia telah ditetapkan untuk keadaan tertentu, dan mungkin bukan rawatan yang betul kepada orang lain, dan boleh membahayakan orang yang sedang mengandung atau menyusui bayi.